



## Pemuda tangkap UM 10/1/25 pg 35 'ikan hantu' 6.5 kilogram

JADI buruan... Seekor ikan kenerak atau dipanggil 'ikan hantu' seberat 6.5 kilogram berjaya didaratkan oleh seorang nelayan sungai di Sungai Jelai, di sini baru-baru ini.

Spesies ikan kenerak atau nama saintifiknya *bagarius yarrelli* menjadi buruan pemancing dan nelayan sungai di negara ini kerana harganya antara RM35 ke RM45 sekilogram serta mempunyai ramai penggemar berikutan tidak banyak tulang.

Mohamat Rain Rafee dari Kampung Gading di sini berkata, dia mendaratkan ikan itu yang banyak muncul selepas banjir dengan menggunakan umpan cengkerik.

"Ikan kenerak mempunyai pelbagai nama dalam kalangan penduduk, ada yang sebut ikan hantu kerana rupanya yang hodoh atau ikan komando kerana kulitnya memiliki corak celoreng seperti askar," katanya.

Ikan kenerak banyak muncul selepas musim banjir namun sukar mendapatkannya pada musim kemarau dari Mei hingga Oktober kerana sifatnya curiga dengan umpan.

■ MOHAMAT Rain Rafee menunjukkan ikan kenerak yang dipancingnya di Sungai Jelai, Lipis, Pahang.  
- UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD